

02 AUG 2000

Hasina-Langkawi/I

PEMBANGUNAN LANGKAWI SATU LAGI CONTOH KEPIMPINAN BIJAK DR MAHATHIR

LANGKAWI, 2 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Bangladesh Sheikh Hasina berkata pembangunan Langkawi merupakan satu lagi contoh kepimpinan bijak Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ia menunjukkan apa yang boleh dicapai oleh orang yang bermotivasi tinggi, katanya pada jamuan tengah hari yang dianjurkan oleh Menteri Besar Kedah Datuk Seri Syed Razak Syen Zain di Sheraton Perdana di sini hari ini.

Sheikh Hasina berada di pulau peranginan ini bagi lawatan rasmi dua hari.

"Langkawi setakat hari ini mendapat tempat yang betul dalam peta benua kami dan saya ingin katakan bahawa lawatan saya ke Malaysia tidak akan menjadi sempurna, jika saya tidak datang ke pulau yang indah ini," katanya.

Sheikh Hasina berkata semasa lawatannya ke Malaysia beliau telah bertukar-tukar pendapat yang bermanfaat dengan Dr Mahathir dan mereka telah membincangkan cara-cara untuk menggalakkan lagi kerjasama dua hala.

"Kami mempunyai pendapat serupa dalam semua isu utama antarabangsa", katanya.

Katanya Malaysia dan Bangladesh dihubungkan oleh pertalian sejarah, agama dan kebudayaan yang sama dan lawatannya telah mengukuhkan keyakinannya bahawa kedua-dua negara patut terus bekerjasama untuk meneruskan demokrasi dan keamanan dan mempercepatkan pembangunan.

Terdahulu, Syed Razak mempelawa sektor swasta Bangladesh untuk menerokai pelbagai peluang perniagaan dan pelaburan di Kedah yang telah menasarkankan perindustrian sebagai pemacu utama bagi pertumbuhan ekonomi.

Kerajaan Kedah telah meluluskan sejumlah 467 projek perindustrian melibatkan pelaburan sebanyak RM20 bilion dengan 368 projek bernilai RM13.4 bilion datang daripada pelaburan asing, sejak 1991.

"Kami sedang melaksanakan era perindustrian yang menarik dan cuba menarik pelabur ke pelbagai kawasan perindustrian kami terutama Kulim Hi-Tech Park yang direka bentuk dengan teliti bukan sahaja untuk menarik industri teknologi tinggi tetapi juga sebagai Bandar Raya Sains," katanya.

Syed Razak berkata objektif, dasar dan strategi pembangunan kerajaan Kedah juga selaras dengan kerajaan persekutuan.

-- BERNAMA

NH RHM MAI